

## **J/kuasa Disiplin MIC Akan Pantau 10 Pemimpin Parti - Nijhar**

**Bernama**

**17 Feb 2014**

KUALA LUMPUR, 17 Feb (Bernama) -- Jawatankuasa Disiplin MIC akan memantau rapi pergerakan 10 pemimpin parti bagi tempoh dua bulan akan datang sebelum mengambil tindakan tegas ke atas mereka kerana dikatakan menentang kepimpinan parti.

Keputusan itu dicapai pada mesyuarat jawatankuasa itu selama tiga jam di ibu pejabat parti di sini hari ini, kata pengerusi jawatankuasa Tan Sri Datuk Dr K.S Nijhar.

"Jawatankuasa Disiplin akan bersidang lagi dalam masa dua bulan untuk menentukan sama ada tindakan disiplin harus diambil ke atas mana-mana pemimpin itu.

"Jika didapati bersalah, mereka akan dipecat daripada parti atau digantung keanggotaan untuk tempoh tertentu," kata Nijhar dalam kenyataan di sini hari ini.

Bagaimanapun, beliau tidak menyebut nama atau jawatan sepuluh pemimpin berkenaan.

Nijhar menarik perhatian bahawa mesyuarat, yang bermula pukul 11 pagi, juga membincangkan isu-isu berkaitan dakwaan yang menyentuh pemilihan parti yang berlangsung pada 30 Nov lepas di Melaka.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1015293>